

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN  
[KINABATANGAN]**

**TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam memastikan para peniaga kecil sederhana mampu berhadapan dengan cabaran perniagaan di kala pandemik COVID-19 dan apakah statistik perniagaan yang telah 'gulung tikar' ekoran terkesan dengan pandemik COVID-19.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1) Saya mohon izin untuk menjawab soalan daripada YB Kinabatangan bersekali dengan soalan daripada YB Pontian dan YB Jerlun pada tarikh 28 September 2021 kerana isunya sama.

2) Untuk pengetahuan YB, MEDAC telah membentuk satu jawatankuasa khas atau Taskforce di peringkat Kementerian bagi membantu usahawan pasca pandemik COVID-19. Melalui pembentukan taskforce, pihak Kementerian sedang mengambil tindakan segera dalam tempoh jangka pendek di bawah sasaran KPI 100 hari dengan memberi fokus kepada 3 pendekatan utama seperti berikut:

(i) Memulihkan usahawan dan koperasi terjejas melalui bantuan pembiayaan di mana sebanyak 26 program dengan peruntukan

## **SOALAN NO : 5**

sebanyak RM7.06 billion (ini termasuk moratorium yang diberi kepada usahawan) melibatkan 192,541 penerima manfaat.

(ii) Membantu golongan yang hilang pekerjaan, belia dan graduan, golongan asnaf dan OKU yang menceburि bidang keusahawanan yang mengandungi pelaksanaan 15 program dengan peruntukan sebanyak RM40.4 juta dan melibatkan 2,570 penerima manfaat; dan

(iii) Memperkuuhkan daya tahan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) melalui adaptasi teknologi digital yang merangkumi pelaksanaan 11 program dengan peruntukan sebanyak RM14.8 juta dan melibatkan 8,950 penerima manfaat.

3. Antara program yang telah dilaksanakan:

(i) Program Pemasaran Online TEKUN

(ii) Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE)

(iii) Program Pembangunan Usahawan Mikro (BizME) Micro Connector

4. **Kajian Impak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 ke atas Landskap Usahawan di Malaysia pada 15 hingga 28 Jun 2021** menunjukkan terdapat hampir 37,415 perniagaan telah gulung tikar, di mana majoritinya adalah usahawan mikro iaitu sebanyak 26,007 dan diikuti dengan perusahaan kecil dan sederhana sebanyak 2,738.

Sekian, terima kasih.